

23/07/1998

Permulaan menyelesaikan gawat ekonomi

DALAM tempoh kira-kira setahun pengalaman negara dilanda kegawatan ekonomi, banyak kegiatan yang boleh menjana pertumbuhan ekonomi terpaksa ditangguh atau dihentikan. Semua ini dilakukan bagi mengelakkan kemungkinan keadaan bertambah buruk yang boleh menyebabkan ekonomi negara lumpuh. Dalam proses mengambil kira pelbagai faktor negatif itu, kerajaan begitu berhati-hati menguruskan ekonomi negara. Setiap ringgit yang dibelanjakan, diperhitungkan dari segi kepentingannya. Kehidupan bermewah-mewah yang dialami sebelum ini cuba dielakkan. Rakyat juga diajak lebih berhemat ketika berbelanja. Sepanjang tempoh negara dilanda kegawatan ekonomi, ia bukan saja memberi kesan kepada kedudukan kewangan kerajaan dan syarikat, malah turut memberi kesan psikologi yang agak membimbangkan.

Kesan kegawatan ekonomi menyebabkan beberapa projek yang dirancang terpaksa ditangguhkan. Hanya projek yang dalam pembinaan dan mempunyai potensi tertentu diteruskan termasuklah Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Sektor swasta yang sebelumnya terbukti membantu mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara menerusi konsep penswastan juga menilai semula kegiatan masing-masing berikutan pelbagai masalah termasuk langkah mengawal perbelanjaan di samping sekatan yang dikenakan bank. Projek yang sedang rancak dalam pembinaan diperlahankan, perancangan projek ditangguhkan dan ada juga yang memberhentikan kerja projek di pertengahan jalan. Tanpa sebarang projek baru, ia memberi kesan kepada sentimen pasaran saham dan berlaku susut nilai hartanah, ditokok pula dengan pelbagai spekulasi yang tidak mendorong kepada suasana ekonomi mapan. Pelabur asing pula dilihat tidak menunjukkan minat untuk mencergaskan semula ekonomi negara dan enggan membuat pelaburan baru.

Ketika itu, kita mungkin berpendapat dengan memperlahankan projek pembangunan, kerajaan dan sektor swasta membuat pertimbangan yang wajar. Tetapi, hari ini, kita sudah mula merasakan penangguhan atau pemberhentian projek pembinaan memberi kesan sebaliknya. Ia tetap tidak menyelesaikan masalah. Tanpa projek, bermakna syarikat tidak dapat menggerakkan operasi, modal tidak dapat digerakkan, kontraktor menganggur, barang binaan tidak dapat dijual malah penawaran melebihi permintaan, sektor perkhidmatan tidak dapat menjalankan perniagaan, ramai pekerja diberhentikan dan banyak industri sokongan terpaksa gulung tikar. Tindakan ekonomi yang dijalankan itu masih belum boleh meyakinkan pasaran, malah ekonomi negara kian mengecut.

Hari ini, sudah ada satu pendekatan baru yang kita anggap lebih praktikal untuk menangani kegawatan ekonomi. Untuk merancang dan melaksanakan projek mega, ia mungkin menimbulkan pelbagai implikasi meskipun kita yakin ia mampu menggerakkan ekonomi. Namun, menerusi perakuan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) supaya kerajaan melaksanakan projek prasarana secara besar-besaran, kita yakin ia boleh menjadi serampang dua mata kepada pemulihan ekonomi yang lebih pantas. Di samping projek prasarana, terutama yang membabitkan industri pembinaan mampu memberi faedah secara langsung kepada rakyat terbanyak, ia dijamin dapat memberi peluang kerja kontrak kepada syarikat dan sektor swasta lain di samping mengurangkan kadar pengangguran.

Sebagaimana dijelaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin, dalam melaksanakan projek prasarana berkenaan, 140 industri lain dapat digerakkan. Walaupun beliau tidak menjelaskan secara terperinci butiran mengenai industri berkenaan, kita yakin apa yang

dimaksudkannya merangkumi pelbagai sektor pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan. Sektor pembinaan akan membantu menggerakkan sektor pembuatan menerusi permintaan besi, keluli, simen, batu-bata, ubin, kayu, perkakasan elektrik, paip air dan cat yang selama ini tidak laris dijual. Sektor perkhidmatan pula akan mencergaskan industri bank untuk tujuan pinjaman dan khidmat guaman untuk urusan perjanjian jual beli. Bagi projek pembinaan lebuhraya, kita yakin ia akan mempercepatkan proses membangunkan kawasan baru dengan pembinaan rumah kediaman, pusat perniagaan, sekolah dan kemudahan lain. Rakyat pula dapat bergerak dari satu tempat ke tempat lain dengan selesa.

Oleh itu, kita berpendapat projek prasarana yang akan dilaksanakan kelak bolehlah dianggap satu permulaan kepada penyelesaian masalah ekonomi yang rumit.

(END)